



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800
Fax : 06-7619027
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsembilan>

Rujukan : ANM.NS.100 – 1/5/3 JLD.2(7)

Tarikh : 13 Februari 2024

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
KERAJAAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI
SEMBILAN BIL. 1 TAHUN 2024 : HAD KEKERAPAN PENGGUNAAN ONE TIME
VENDOR (OTV) DI iGFMAS.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) bernombor rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/6(3) bertarikh 31 Januari 2024 adalah berkaitan.


2. Sepertimana Surat Edaran BPOPP Bilangan 2 Tahun 2023 bertarikh 29 Mac 2023, kekerapan penggunaan *One Time Vendor* (OTV) di bawah kod vendor 10001 dan 10009 di sistem iGFMAS dihadkan sebanyak tiga (3) kali. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada ketetapan terkini iaitu **sebagaimana yang diputuskan di dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 1 Tahun 2024 bertarikh 30 Januari 2024, kekerapan penggunaan *One Time Vendor* (OTV) bagi kod vendor 10001 dan 10009 di sistem iGFMAS dihadkan sebanyak sekali sahaja untuk setiap ID penerima bayaran bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam tempoh setahun selari dengan objektif dan perihal *one time vendor* mengambilkira kawalan ke atas risiko penggunaan OTV. Ini bagi memastikan penggunaan OTV adalah terkawal penggunaannya kepada keperluan operasi tertentu sahaja. Kod vendor OTV selain 10001 dan 10009 seperti di **Lampiran 1** tidak terlibat dengan had ini kerana kod vendor diwujudkan bagi penggunaan sistem yang berintegrasi.**

3. **Pelaksanaan ini berkuatkuasa pada 1 Februari 2024** dan sekiranya penggunaan OTV melebihi sekali dalam tempoh setahun untuk setiap ID penerima berkenaan, Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mewujudkan kod vendor yang bersesuaian untuk meneruskan bayaran.
4. Arahan Operasi ini membatalkan Arahan Operasi JANMNS Bil. 2 Tahun bertarikh 7 April 2023.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,


(ROSNANI BINTI MOHAMĀD@AHMAD C.A(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

LAMPIRAN 1

No.	Kod Vendor OTV	Nama Vendor OTV	Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV
1.	10000	Saraan Federal Government	Penerima bayaran yang ditetapkan untuk Modul HCM seperti penerima bayaran nafkah atau penerima bayaran saraan.
2.	10001	EMP2 – Pendapatan Bercukai	Penerima bayaran untuk pegawai/ kakitangan awam yang belum didaftarkan di dalam kategori Kod Vendor EMP atau pegawai/ kakitangan awam yang di bawah arahan Tahan Gaji atas sebab tertentu.
3.	10002	Factoring Vendor OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh pihak ePerolehan sebagai penerima bayaran syarikat Pemfaktoran
4.	10003	INSIST OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia melalui sistem INSIST
5.	10004	eCourtFinance OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman melalui sistem eCourtFinance
6.	10005	eBantuan	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk penerima bayaran bantuan JKM melalui sistem eBantuan.

No.	Kod Vendor OTV	Nama Vendor OTV	Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV
7.	10007	Penerima GUMIS	Penerima bayaran bagi bayaran balik Wang Tak Dituntut.
8.	10008	Deposit AR	Penerima bayaran bagi keadaan bayaran balik Deposit Am.
9.	10009	OTV-Arahan Pembayaran	Penerima bayaran yang tidak didaftarkan di dalam Data Induk Penerima Bayaran iGFMS bagi bayaran secara one off yang dikhususkan untuk Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan sahaja.
10	10010	eLembaga Peperiksaan	Penerima Bayaran yang ditetapkan bagi Lembaga Peperiksaan